

03 MAY 1998

Lim-NGO

LIM PERSOAL KESETIAAN NGO BERI MAKLUMAT PALSU

KUALA LUMPUR, 3 Mei (Bernama) -- Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek hari ini mempersoalkan kesetiaan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Malaysia yang telah memberi maklumat kepada dua akhbar Britain yang mendakwa pihak berkuasa negara ini telah meracun dan membunuh beramai-ramai pendarang tanpa izin Indonesia di pusat tahanan sementara.

Katanya, terdapat agenda tersembunyi di sebalik laporan dua akhbar itu untuk menjatuhkan maruah Malaysia.

"Satu bentuk tindakan harus diambil. Jika orang yang terbabit dalam artikel itu mempercayai artikel yang bodoh seperti ini, mereka sebenarnya yang bodoh," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Penyayang dan Saling Berkongsi.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad semalam bahawa kerajaan mungkin mengambil tindakan terhadap NGO terbabit dan akhbar "The Observer" dan "The Independent" berhubung laporan itu.

Lim berkata kerajaan sebenarnya telah menjaga kebajikan pendarang tanpa izin semasa mereka berada di negara ini.

"Kita perlu memberi mereka makan semasa mereka berada di sini," kata Lim.

Beliau berkata pekerja Indonesia juga telah diberi pengampunan setiap tahun semasa perayaan Hari Raya bagi membolehkan mereka pulang ke tanah air tanpa sebarang tindakan diambil terhadap mereka.

"Ini menunjukkan betapa pekanya kita terhadap masalah mereka ini. Mesti ada sesuatu yang tidak betul apabila ada orang sanggup mengeluarkan artikel yang tidak berasas seperti itu," katanya.

Mengenai dakwaan kononnya terdapat majikan yang memotong gaji dengan banyak, beliau berkata majikan tidak harus bertindak sesuka hati dan sepatutnya membincangkan perkara itu dengan pekerja sebelum mengambil tindakan itu.

"Pemotongan gaji hanya dibenarkan jika syarikat terbabit benar-benar menghadapi masalah kewangan," kata Lim.

-- BERNAMA

HAK RHM MAI